

04/09/2003

Pilihan raya kampus `kilang' pemimpin baru negara

Syed Anuar Syed Mohamad

HARI ini 17 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) kecuali Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) dan Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (Kukum) mengadakan pilihan raya kampus bagi memilih ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi 2003/2004 lantas mendukung amanah menjaga kebajikan pelajar khususnya dalam merancang dan melaksanakan usaha mencapai kecemerlangan kepemimpinan, akademik dan sahsiah.

Justeru, Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) mengharap pada pilihan raya kali ini pelajar menunaikan tanggungjawab mereka kerana penuntut seharusnya menganggap pilihan raya kampus sebagai platform terbaik sama ada sebagai calon atau pengundi kerana dibimbangi ketidakcaknaan dalam melaksanakan tanggungjawab itu melahirkan penyakit baru pula.

Iaitu selepas tamat pengajian, mereka dikhuatiri menganggap pilihan raya umum juga sebagai tidak penting dan tidak perlu diberikan keutamaan.

Kesannya, generasi akan datang hilang jati diri dan semangat cintakan negara. Kepentingan individu diutamakan dengan membiarkan kepentingan negara diuruskan mereka yang tidak pakar dan akhirnya kebimbangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa penjajahan bentuk global mungkin menjadi kenyataan.

GPMS yakin calon yang bakal menerajui MPP ialah mereka yang berfikiran positif dan proaktif sebagai persiapan memastikan hala tuju negara merealisasikan Wawasan 2020 tercapai.

Dalam keghairahan calon menawarkan diri dan pengikut giat berkempen, ketertiban dan etika sebagai pemimpin muda penerus kepemimpinan negara perlu diutamakan agar masyarakat kampus dapat menilai seadil mungkin sebelum memilih terbilang di kalangan yang cemerlang.

Masyarakat kampus sepatutnya menolak calon yang sanggup membiarkan diri dipengaruhi unsur luar yang cuba memperkudakan mereka dengan ideologi dan anutan ilmu kepemimpinan kolot serta menjadi parasit dalam membangunkan negara merdeka.

GPMS menganggap tiga perkara pokok yang perlu dilihat oleh semua pihak sama ada Kementerian Pendidikan, pengurusan tertinggi IPTA dan penuntut untuk memastikan pilihan raya kampus mampu dijadikan `kilang' memproses generasi muda profesional yang bakal mewarisi kepemimpinan negara pada masa depan:

\* Peratus mengundi pada setiap kali pilihan raya kampus yang masih tidak memberangsangkan dan kadangkala amat menyedihkan.

Ini terjadi kerana sikap acuh tidak acuh mahasiswa terhadap kepentingan pilihan raya dan akhirnya memperlihatkan calon yang menang mewakili tidak sampai 50 peratus keseluruhan mahasiswa.

Langkah segera harus diambil bagi mengatasi masalah ini. Mahasiswa wajar diwajibkan keluar mengundi dengan memberikan nilai markah tertentu yang mungkin mengundang pelbagai kritikan, sama ada kita suka atau tidak dan mungkin tidak bersifat demokrasi.

Walaupun pilihan raya umum tidak diwajibkan kepada mereka yang berumur 21 tahun, kita harus ingat IPTA ialah kilang memproses manusia sebagaimana termaktub dalam Falsafah Pendidikan Negara, manakala dunia di luar kampus untuk mereka melaksanakan peranan sebagai ahli masyarakat.

\* Sindrom tidak berminat untuk dicalonkan.

Masyarakat kampus tidak seharusnya melihat menang tidak bertanding sebagai sesuatu yang terbaik dan melambangkan perpaduan masyarakat kampus

dalam memilih kepemimpinan sama ada pada peringkat kampus, fakulti atau kolej.

Kalau benar ia adalah manifestasi kepada kehendak seluruh masyarakat kampus, Alhamdulillah tetapi bagaimana kalau ia adalah satu lagi penyakit baru alaf globalisasi iaitu sindrom tidak minat untuk dicalonkan? Apakah ia menunjukkan seolah-olah mahasiswa tidak berminat mengangkat dirinya sebagai pemimpin, maka amat malang generasi akan datang jika sesuatu tidak dilakukan untuk membendungnya.

\* Budaya terpengaruh dengan suasana politik di luar kampus dan lebih sedih lagi sebilangan warga kampus yang terdidik dengan sikap bersyukur dan menghargai pengorbanan pemimpin dulu dan kini seolah-olah hilang pertimbangan ilmu sehingga terpesong akal fikir mereka.

GPMS yakin dan percaya sindrom seumpama itu bukan melambangkan akal fikiran keseluruhan siswa dan jika dibiarkan tanpa melaksanakan kerangka program yang sesuai, dibimbangi menjadi barah yang sukar diubati.

Soal melabel mahasiswa tidak timbul sama sekali tetapi yang penting, sejauh mana mahasiswa menggunakan akal fikirannya melihat dan menilai kenikmatan yang dikecapi hasil pengorbanan pemimpin berwawasan dan berkarisme.

Semoga pilihan raya kampus sesi 2003/2004 mampu melahirkan pemimpin pelajar yang dapat melaksanakan amanah warga mahasiswa di samping melahirkan pemimpin pelajar yang mampu mengkritik dan mengemukakan cadangan serta program yang boleh mempertingkatkan kualiti kepemimpinan negara pada masa depan.

SYED ANUAR SYED MOHAMAD,  
Setiausaha Agung GPMS.